

03 JUL 1998

KERAJAAN BANTU PELAJAR PERUBATAN DI TRINIDAD & TOBAGO

BUTTERWORTH, 3 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan membantu 90 pelajar perubatan yang sedang melanjutkan pelajaran di Trinidad & Tobago yang kini menghadapi masalah kewangan akibat kegawatan ekonomi.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, para pelajar itu yang kebanyakannya berketurunan India amat terasa kesan kenaikan kos akibat penurunan nilai mata wang ringgit.

Bercakap pada sidang berita selepas merasmikan Konvensyen kelima MIC Pulau Pinang di sini malam ini, beliau berkata, pihaknya telah memaklumkan perkara itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata beliau juga telah dimaklumkan oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak bahawa kerajaan akan membantu 145 orang pelajar perubatan keturunan India yang belajar di institusi pengajian yang tidak diiktirafkan oleh kerajaan di Indonesia untuk berpindah ke institusi yang diiktiraf.

Berucap merasmikan konvensyen itu, beliau berkata, MIC melalui beberapa badan tajaannya seperti Koperasi Didik dan MIED memerlukan kira-kira RM12 juta setahun untuk membantu pelajar berketurunan India melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara.

-- BERNAMA

AHM AKD